

Bandar Seri Putra, 43000, Bangi, Selangor (Darul Ehsan), Malaysia
603-8911 7167 +603-8925 4402
info@uis.edu.my
https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad



Panduan Menangani Cabaran Etika Penggunaan Kecerdasan Buatan Berpandukan *Maqāṣid al-Qur'ān* menurut Yūsuf al-Qaraḍāwī (1926-2022)


Guidelines for Addressing the Ethical Challenges of Using Artificial Intelligence Based on the Maqāṣid al-Qur'ān According to Yūsuf al-Qaraḍāwī (1926-2022)

Muhammad Aizat Syimir Rozani , Mohd Farid Ravi Abdullah  , Nurzatil Ismah Azizan  , & Fakhir Abdul Azis 

To cite this article:

Rozani, M. A. S., Abdullah, M. F. R., Azizan, N. I., & Abdul Azis, F. (2025). Panduan menangani cabaran etika penggunaan kecerdasan buatan berpandukan maqāṣid al-Qur'ān menurut Yūsuf al-Qaraḍāwī (1926-2022). *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 10(2), 1559-1575. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v10i2.557>

To link this article:

 <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v10i2.557>

Full Terms & Conditions of access and use can be found at:



<https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad/open>



Published online: 13 December 2025



Submit your article to this journal:

<https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad/about/submissions>



View related articles:

<https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad/issue/archive>




Disclaimer

The views expressed in this article are those of the author. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* shall not be liable for any loss, damage or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.

This is an open access article under the CC BY-NC license.





Bandar Seri Putra, 43000, Bangi, Selangor (Darul Ehsan), Malaysia
603-8911 7167 +603-8925 4402
info@uis.edu.my
https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad

Vol. 10, No. 2, (December, 2025)


Panduan Menangani Cabaran Etika Penggunaan Kecerdasan Buatan Berpandukan *Maqāṣid al-Qur'ān* menurut Yūsuf al-Qaraḍāwī (1926-2022)


[*Guidelines for Addressing the Ethical Challenges of Using Artificial Intelligence Based on the Maqāṣid al-Qur'ān According to Yūsuf al-Qaraḍāwī (1926-2022)*]

Muhammad Aizat Syimir Rozani ^{1*}, Mohd Farid Ravi Abdullah  ¹, Nurzatil Ismah Azizan  ¹, & Fakhir Abdul Azis ²

¹ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, MALAYSIA.

² Sekolah Tinggi Agama Islam Al-Anwar Sarang Rembang, Jawa Tengah 59274, INDONESIA.

* Corresponding Author: Muhammad Aizat Syimir bin Rozani. Jabatan Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), MALAYSIA.  aizatsyimir@uis.edu.my.

 (+60) 10-656 5321.

Keywords:

Guidelines, *Maqāṣid al-Qur'ān*, Challenges, Ethical, Artificial Intelligence

ABSTRACT

Today, the digital era is rapidly developing and artificial intelligence (AI) has brought transformative changes across diverse industrial sectors. Its application also generates complex ethical challenges, particularly related to algorithmic fairness, data privacy, and accountability in decision-making. The absence of Islamic ethical guidance in AI deployment has further resulted in practices that are misaligned with Sharia principles. In this regard, the *maqāṣid al-Qur'ān* plays its role in emphasising the preservation of human dignity, justice and well-being in all aspects of life, in addition to providing a promising foundation for guiding the ethical use of AI. This article explored the framework proposed by Yūsuf al-Qaraḍāwī in his work *Kayf Nata'āmal Ma'a al-Qur'ān al-'Azīm* (How to Engage with the Noble Quran), which articulates a systematic understanding of *maqāṣid al-Qur'ān* that can be applied to contemporary issues. By employing a qualitative methodology through content analysis, the study analysed al-Qaraḍāwī's conception of *maqāṣid al-Qur'ān* and inquiry into its relevance in addressing the ethical dilemmas of AI. The findings indicated that the principles outlined in his framework can serve as a clear guide for ensuring that AI development and its application are consistent with Sharia objectives. Moreover, the study highlighted the necessity for collaboration between Islamic scholars and technology experts in formulating comprehensive guidelines that direct AI towards promoting social welfare, protecting fundamental human rights, and preventing harm. Such an approach ensures that technological advancement becomes a source of benefit for humanity while safeguarding ethical and spiritual values.

Contribution: This study contributes to contemporary Islamic discourse by proposing an ethical guidance for the use of artificial intelligence based on the *maqāṣid al-Qur'ān* as proposed by Yūsuf al-Qaradāwī. The findings underscore the significance of the *maqāṣid al-Qur'ān* as a guiding principle in addressing the ethical challenges associated with artificial intelligence. This perspective opens future avenues to integrate the insights of Islamic scholars with technological expertise in formulating holistic guidelines for the ethical AI application. Such contributions align with the journal's focus on contemporary Islamic issues, while also providing an academic platform to broaden discussions on the interaction between Islamic sciences and global contemporary challenges based on the ideas of prominent Islamic scholars.

Kata Kunci:

Panduan, Maqāṣid al-Qur'ān, Cabaran, Etika, Kecerdasan Buatan

ABSTRAK

Hari ini, era digital semakin berkembang dan kecerdasan buatan telah membawa perubahan besar dalam pelbagai bidang sektor industri. Penggunaannya turut menimbulkan cabaran etika yang kompleks terutamanya berkaitan dengan isu keadilan algoritma, privasi data dan akauntabiliti dalam membuat keputusan. Ketiadaan garis panduan Islamik dalam penggunaan kecerdasan buatan telah mengakibatkan wujudnya amalan yang tidak selaras dengan prinsip syariah. Dalam hal ini, *maqāṣid al-Qur'ān* berperanan menekankan pemeliharaan maruah manusia, keadilan dan kesejahteraan dalam semua aspek kehidupan, di samping menyediakan asas yang kukuh bagi panduan etika penggunaan kecerdasan buatan. Oleh itu, adalah penting untuk menilai bagaimana *maqāṣid al-Qur'ān* dapat dijadikan sebagai panduan dalam menangani cabaran etika ini. Sehubungan itu, artikel ini meneliti kerangka yang dikemukakan oleh Yūsuf al-Qaradāwī dalam karyanya *Kayf Nata'āmal Ma'a al-Qur'ān al-'Azīm* (Bagaimana Berinteraksi dengan al-Quran al-'Azīm), yang menghuraikan pemahaman *maqāṣid al-Qur'ān* secara sistematik dan boleh diterapkan dalam isu-isu kontemporari. Melalui metodologi kualitatif dengan pendekatan analisis kandungan, kajian ini menganalisis konsep *maqāṣid al-Qur'ān* menurut al-Qaradāwī serta menilai kaitannya dalam menangani dilema etika kecerdasan buatan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa prinsip yang digariskan dalam kerangka al-Qaradāwī dapat dijadikan panduan jelas untuk memastikan pembangunan dan penggunaan kecerdasan buatan selaras dengan objektif syariah. Selain itu, kajian ini menekankan keperluan kerjasama antara para ulama dan pakar teknologi dalam merumuskan garis panduan yang menyeluruh bagi mengarahkan pembangunan kecerdasan buatan ke arah memupuk kesejahteraan sosial, melindungi hak asasi manusia dan mencegah kemudaratan.

Sumbangan: Kajian ini menyumbang kepada wacana kontemporari Islam dengan mengemukakan panduan etika bagi penggunaan kecerdasan buatan berasaskan *maqāṣid al-Qur'ān* sebagaimana yang dikemukakan oleh Yūsuf al-Qaradāwī. Hasil penyelidikan ini menegaskan kepentingan *maqāṣid al-Qur'ān* sebagai panduan dalam menangani isu etika penggunaan kecerdasan buatan. Pandangan ini membuka ruang masa depan kepada integrasi ilmu ulama dan kepakaran teknologi dalam merangka garis panduan etika penggunaan kecerdasan buatan yang holistik. Sumbangan ini selaras dengan fokus jurnal yang menekankan isu-isu kontemporari Islam serta menyediakan platform akademik untuk memperluas perbincangan mengenai interaksi antara sains Islam dan cabaran semasa global berpandukan kepada idea tokoh-tokoh ilmuan Islam.

ARTICLE HISTORY

Received: September 29, 2025
Revised: November 01, 2025
Accepted: November 14, 2025
Available Online: December 13, 2025
Published: December 19, 2025

This is an open access article under the CC BY-NC license.



To cite this article:

Rozani, M. A. S., Abdullah, M. F. R., Azizan, N. I., & Abdul Azis, F. (2025). Panduan menangani cabaran etika penggunaan kecerdasan buatan berpandukan *maqāṣid al-Qur'ān* menurut Yūṣuf al-Qaraḏāwī (1926-2022). *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 10(2), 1559-1575. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v10i2.557>

I. PENGENALAN

Dalam era Revolusi Industri 4.0, perkembangan kecerdasan buatan atau turut dikenali sebagai *Artificial Intelligence* (AI) telah membawa transformasi besar kepada pelbagai sektor kehidupan seperti kesihatan, kewangan, pendidikan dan keselamatan. Keupayaan teknologi kecerdasan buatan untuk membuat keputusan secara automatik, menganalisis data besar dan berinteraksi dengan manusia secara cerdas menjadikannya satu inovasi teknologi yang sangat berpengaruh (Ramezani et al., 2023). Namun, penggunaan AI turut menimbulkan cabaran etika yang semakin kompleks seperti isu ketidakadilan algoritma, pencerobohan privasi data dan ketidaktelusan sistem automatik (Serry, 2025).

Dalam menghadapi realiti ini, *maqāṣid al-Qur'ān* tampil sebagai kerangka nilai yang relevan untuk menilai serta membimbing perkembangan teknologi ini. Prof. Dr. Yūṣuf ibn 'Abdullah ibn 'Alī bin Yūṣuf atau lebih dikenali sebagai Dr. Yūṣuf al-Qaraḏāwī, melalui karyanya *Kayf Nata'āmal Ma'a Al-Qur'ān Al-'Azīm* (Bagaimana Berinteraksi dengan al-Quran al-'Azīm), telah mengetengahkan pendekatan *maqāṣid al-Qur'ān* yang bersifat holistik dengan menekankan prinsip keimanan, martabat manusia, keadilan sosial dan kerjasama insani sejagat. Hal ini sekali gus menawarkan prinsip asas Islam dalam menghadapi cabaran etika teknologi moden. Kenyataan ini disokong oleh Rozani et al. (2025) yang menyatakan bahawa *maqāṣid al-Qur'ān* mempunyai potensi yang besar untuk menjalinkan di antara ilmu tradisional Islam dengan isu-isu kontemporari seperti garis panduan penggunaan teknologi digital dan kecerdasan buatan. Namun begitu, isu utama yang timbul adalah ketiadaan satu kerangka Islamik yang tersusun dalam menangani etika penggunaan kecerdasan buatan secara praktikal.

Tujuan penulisan artikel ini adalah untuk menjawab persoalan utama iaitu: Bagaimana *maqāṣid al-Qur'ān* dapat menjadi panduan dalam menangani cabaran penggunaan kecerdasan buatan? Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah untuk mencadangkan panduan menangani cabaran etika penggunaan kecerdasan buatan berpandukan *maqāṣid al-Qur'ān* menurut al-Qaraḏāwī. Artikel ini menggunakan metodologi kualitatif dengan pendekatan analisis kandungan. Data utama dikumpulkan daripada karya al-Qaraḏāwī, *Kayf Nata'āmal Ma'a al-Qur'ān al-'Azīm*, yang dijadikan teks utama untuk meneliti kerangka *maqāṣid al-Qur'ān* beliau. Data sokongan pula diperoleh daripada kajian literatur sekunder melibatkan artikel jurnal, laporan dan penulisan akademik yang membincangkan isu etika kecerdasan buatan. Proses analisis kandungan dijalankan melalui dua langkah utama: (i) pemilihan teori daripada karya al-Qaraḏāwī yang berkaitan dengan prinsip *maqāṣid al-Qur'ān* sekali gus membentuk tema kajian; (ii) interpretasi induktif bagi menghubungkan tema-tema tersebut dengan cabaran etika dalam penggunaan kecerdasan buatan. Pendekatan ini membolehkan penilaian secara sistematik terhadap hubungan antara prinsip *maqāṣid al-Qur'ān* dengan pembentukan kerangka etika Islam dalam pembangunan teknologi kecerdasan buatan.

Artikel ini akan dimulakan dengan pengenalan, diikuti oleh tinjauan literatur yang menghuraikan konsep-konsep utama, seterusnya hasil dapatan dan perbincangan yang menghubungkan *maqāṣid al-Qur'ān* dengan cabaran etika kecerdasan buatan serta diakhiri dengan penutup. Artikel ini diharap dapat menyumbang kepada pembangunan kerangka penggunaan teknologi kecerdasan buatan yang berteraskan nilai Islam.

2. TINJAUAN LITERATUR

Bahagian ini akan menjelaskan konsep *maqāṣid al-Qur'ān* secara umum dan juga pandangan al-Qaraḍāwī dalam kitabnya *Kayf Nata'āmal Ma'a al-Qur'ān al-'Azīm*. Kemudian, perbincangan diteruskan lagi dengan menjelaskan isu kecerdasan buatan serta cabaran etika yang dihadapi dalam penggunaannya.

2.1 Konsep Maqāṣid al-Qur'ān: Perspektif Umum

Maqāṣid al-Qur'ān merupakan cabang ilmu yang memberi tumpuan kepada usaha untuk memahami kehendak Allah SWT melalui ayat suci al-Quran (Islam, 2011; 2012). Walaupun tiada konsensus mengenai definisinya dalam kalangan ilmuwan Islam sama ada klasik atau kontemporari. Para sarjana Islam secara umumnya bersetuju bahawa ia merujuk kepada ajaran teras dan objektif al-Quran yang perlu ditafsirkan mengikut masa dan konteks (Fikriyati, 2019). Memahami *maqāṣid al-Qur'ān* adalah penting dalam tafsiran al-Quran kerana ia memberi panduan kepada para mufasir untuk menghasilkan tafsiran yang berorientasikan kesejahteraan manusia dan mencegah kemudaratannya (Bushiri, 2019).

Antara definisi *maqāṣid al-Qur'ān* yang boleh dijadikan panduan utama adalah definisi Dr. Muḥammad al-Muntār (2013) melalui karyanya bertajuk *Al-Idrāk al-Maqāṣidī: Muḥaddid min Muḥaddidāt Tadabbur al-Qur'ān al-Karīm* (Pemahaman Maqāṣidī: Antara Penentu dalam Tadabbur Al-Quran Al-Karīm). Menurut al-Muntār (2013), *maqāṣid al-Qur'ān* adalah sekumpulan makna-makna, hikmah-hikmah dan tujuan-tujuan tertinggi yang terkandung di dalam surah-surah, ayat-ayat, *fawāṣil* (pecahan-pecahan ayat), juzuk, serta *ḥizb* ayat al-Quran, yang membentuk kehendak Allah SWT dalam menurunkan al-Quran kepada para mukallaf di dunia dan akhirat. Definisi *maqāṣid al-Qur'ān* oleh al-Muntār ini mencakupi aspek maksud (makna, hikmah dan tujuan), skop (surah, ayat, *fawāṣil*, juzuk dan *ḥizb*) dan kumpulan sasaran (para mukallaf).

Berbeza dengan *maqāṣid al-sharī'ah* yang lebih memberi tumpuan kepada aspek perundangan yang diperoleh melalui proses *istinbāṭ* hukum, *maqāṣid al-Qur'ān* pula meluaskan skopnya merangkumi ayat-ayat yang lain selain ayat-ayat hukum (Islam, 2022), seperti ayat alam semula jadi (*al-Āyāt al-Kawniyyah*), kisah-kisah dalam al-Quran dan lain-lain tema ayat al-Quran. Berpandukan pendekatan tafsiran al-Quran secara tematik (*al-Tafsīr al-Mawḍū'ī*), *maqāṣid al-Qur'ān* terhasil melalui tafsiran yang tersusun, proses pengumpulan ayat al-Quran yang menghasilkan tema atau tujuan yang lebih besar sekali gus merealisasikan mesej al-Quran yang menyeluruh (Hoque, Abd Kadir, Yabi, Abdul Halim, & Toure, 2023; Islam, 2024). Oleh itu, *maqāṣid al-Qur'ān* bukan sekadar lanjutan atau pengulangan semula wacana yang sedia ada mengenai tafsir al-Quran atau *maqāṣid al-sharī'ah*. Akan tetapi ia merupakan satu kerangka yang berbeza dan berkembang dengan asas metodologi dan epistemologi yang tersendiri. Ia muncul sebagai paradigma yang sah dan perlu kepada tindakan mengintegrasikan kedua-dua pandangan klasik dan keperluan kontemporari (Hoque et al., 2023; Islam, 2022; 2024).

Kesimpulannya, konsep *maqāṣid al-Qur'ān* merujuk kepada tujuan-tujuan dan matlamat utama yang terkandung dalam ayat-ayat al-Quran yang perlu ditafsirkan mengikut konteks zaman dan situasi. Walaupun ia sering dikaitkan dengan *maqāṣid al-sharī'ah*, *maqāṣid al-Qur'ān* mempunyai ruang lingkup yang lebih luas, melangkaui aspek perundangan untuk merangkumi dimensi rohani, etika dan nilai yang lebih holistik. Ia berfungsi sebagai panduan dalam tafsiran al-Quran yang bertujuan memastikan kesejahteraan umat manusia dan mencegah kemudaratannya dengan pendekatan berorientasikan tujuan yang lebih holistik. Dalam konteks ini, *maqāṣid al-Qur'ān* memberikan landasan untuk tafsiran yang lebih mendalam dan menyeluruh berbanding tafsiran yang terhad kepada aspek literal atau hukum sahaja. Oleh itu, untuk memahami lebih lanjut mengenai penerapan konsep *maqāṣid al-Qur'ān* sebagai prinsip kehidupan khususnya dalam membincangkan aspek menangani cabaran etika penggunaan kecerdasan buatan, penting untuk merujuk kepada pandangan al-Qaraḍāwī di dalam kitabnya *Kayf nata'āmal ma'a al-Qur'ān al-'Azīm* yang menjadi sampel kajian serta akan dibincangkan dalam subtopik seterusnya.


2.2 Maqāṣid al-Qur'ān Menurut Yūsuf al-Qaraḍāwī

Para ulama sebelum al-Qaraḍāwī telah pun menghuraikan konsep *maqāṣid al-Qur'ān*. Misalnya Abū Ḥamid al-Ghazālī (1990) dalam karyanya *Jawāhir al-Qur'ān* membahagikan *maqāṣid al-Qur'ān* kepada *maqāṣid* primer dan sekunder. Rashīd Riḍa (1984) di dalam kitabnya *Al-Waḥyu al-Muḥammadī* menyenaraikan sepuluh *maqāṣid al-Qur'ān*. Manakala Muḥammad al-Ṭāhir ibn 'Āshūr (1984) di dalam tafsirnya *Al-Taḥrīr wa al-Tamwīr* juga sering menjadi rujukan dalam perbincangan *maqāṣid al-Qur'ān* dengan lapan *maqāṣid* yang diketengangkannya. Memandangkan para ulama yang berbeza hadir dengan pelbagai teori *maqāṣid al-Qur'ān* tersendiri, ia

menunjukkan bahawa masih tiada kesepakatan dalam kalangan para ulama dalam merumuskan *maqāṣid al-Qur'ān* seperti mana yang berjaya dilakukan terhadap perbahasan *maqāṣid al-Shārī'ah* (Rozani et al., 2022; 2025). Justeru, para pengkaji *maqāṣid al-Qur'ān* bebas menggunakan mana-mana teori *maqāṣid al-Qur'ān* buat masa ini dalam mana-mana kajian.

Al-Qaraḍāwī di dalam karyanya *Kayf nata 'āmal ma'a al-Qur'ān al-'Azīm* memberikan perhatian yang khusus kepada topik *maqāṣid al-Qur'ān*. Hal ini dibuktikan dengan pengkhususan topik kedua (*Maqāṣid al-Qur'ān*) dalam bab pertama (*Khaṣā'is al-Qur'ān*) pada buku tersebut. Al-Qaraḍāwī (1991) telah menyenaraikan tujuh *maqāṣid al-Qur'ān* yang signifikan dalam kehidupan manusia. Teori *maqāṣid al-Qur'ān* oleh al-Qaraḍāwī boleh dijadikan sandaran dalam kajian kerana keunikannya yang tersendiri berbanding teori para ulama yang lain. Teori *maqāṣid al-Qur'ān* oleh al-Qaraḍāwī meliputi aspek kemaslahatan individu dan masyarakat (Ibrahim & Abd Kadir, 2020) menjadikannya kerangka yang lebih menyeluruh serta relevan dalam menanggapi isu kontemporari termasuk etika penggunaan kecerdasan buatan. Oleh itu, pendekatan al-Qaraḍāwī dipilih sebagai asas teori kajian ini kerana sifatnya yang seimbang antara kerangka asas wahyu dan keperluan realiti semasa. *Maqāṣid al-Qur'ān* menurut al-Qaraḍāwī dapat disimpulkan seperti di Rajah 1.

Rajah 1
Maqāṣid al-Qur'ān menurut Yūsuf al-Qaraḍāwī



Sumber: Al-Qaraḍāwī (1991)

2.2.1 *Maqṣad* pertama: *Taṣḥīḥ al-'aqā'id wa al-taṣawwūrāt* (pembetulan akidah dan pemikiran)

Al-Qaraḍāwī (1991) berpendapat bahawa salah satu daripada tujuan utama yang perlu dicapai oleh al-Quran adalah melalui pembetulan akidah dan pemikiran umat manusia. Dalam konteks ini, al-Quran bertujuan untuk membetulkan segala bentuk akidah yang salah dan membetulkan pemikiran yang telah terpesong. Hal ini sekali gus menjadikan akidah yang betul adalah akidah yang berlandaskan pada tauhid (keesaan Allah SWT) yang harus diterima dan diyakini sepenuhnya oleh umat Islam. Al-Qaraḍāwī (1991) juga memperincikan bagaimana proses pembetulan akidah dan pemikiran melalui *maqṣad* ini.

Pertama sekali, al-Quran menekankan pentingnya tauhid dengan menyeru kepada menyembah Allah SWT yang Maha Esa dan menjauhkan-Nya dari kesyirikan. Konsep ini adalah asas utama yang harus diyakini oleh setiap umat Islam tanpa sebarang keraguan malah ia merupakan intipati dakwah universal yang dikongsi oleh semua utusan Allah SWT merentas zaman (Al-Qaraḍāwī, 1983). Kedua, al-Qaraḍāwī (1991) juga menegaskan bahawa al-Quran bertujuan untuk membetulkan akidah manusia mengenai kenabian dan kerasulan. Hal ini termasuklah menjelaskan tugas dan peranan para rasul yang diutus oleh Allah SWT untuk membimbing umat manusia kepada kebenaran. Ketiga, al-Qaraḍāwī (1991) menggariskan bahawa al-Quran juga bertujuan untuk mengukuhkan akidah manusia dengan keimanan terhadap hari akhirat. Konsep hari kiamat, pembalasan baik

dan buruk serta kehidupan selepas mati diterangkan dengan jelas dalam al-Quran sekali gus memberikan keyakinan kepada manusia bahawa setiap amal perbuatan mereka akan dibalas dengan adil oleh Allah SWT di akhirat kelak.

2.2.2 *Maqṣad* kedua: *Taqrīr karāmat al-Insān wa ḥuqūqih* (pengiktirafan kehormatan manusia dan hak-haknya)

Al-Quran memberi perhatian yang besar terhadap kehormatan manusia dan menegaskan kemuliaan manusia sebagai khalifah di muka bumi ini. Hal ini dapat dilihat apabila Allah SWT telah memuliakan manusia lebih daripada makhluk ciptaan-Nya yang lain dengan memberi hak-hak yang harus dihormati dan dipelihara seperti hak individu untuk hidup, hak untuk mendapat pendidikan yang baik, hak untuk bekerja dengan adil dan tanpa diskriminasi serta hak untuk memperoleh kemakmuran (Darmūsh, 2024). Malah penghormatan hak ini tidak terhad kepada hak individu akan tetapi Islam turut mementingkan hak-hak orang lain termasuklah hak wanita, kanak-kanak dan golongan yang terpinggir serta menuntut agar mereka diperlakukan dengan adil.

Pandangan al-Qaraḍāwī (1991) tentang *maqṣad al-Qurʾān* ini adalah untuk menegakkan kehormatan dan hak-hak manusia. Dalam bukunya, beliau menyatakan bahawa al-Quran mengajar prinsip-prinsip asas tentang menghormati hak individu dan menolak sebarang bentuk penindasan dan kezaliman. Al-Qaraḍāwī (1991) juga menegaskan bahawa tujuan al-Quran adalah untuk membina masyarakat yang memperjuangkan keadilan di mana setiap individu dapat hidup dengan martabat dan hak-haknya dihormati.

2.2.3 *Maqṣad* ketiga: *ʿIbādāt Allah wa taqwāh* (ibadah dan takwa kepada Allah SWT)

Al-Qaraḍāwī (1991) berpendapat bahawa tujuan yang paling utama dalam al-Quran adalah pengabdian diri kepada Allah SWT serta memberikan penegasan terhadap ketakwaan kepada-Nya. Hal ini dapat dilihat melalui suruhan kepada makhluk Allah SWT sama ada jin atau manusia untuk beribadah kepada Allah SWT seperti yang direkodkan di dalam surah al-Dhāriyāt [51] ayat ke-56:

﴿وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾﴾

Maksudnya:

“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku.”

Selain itu, al-Quran juga turut menekankan pentingnya sifat-sifat mulia seperti kesabaran, keikhlasan dan pengorbanan dalam beribadah. Pengabdian kepada Allah SWT ini bukan hanya terbatas pada ibadah ritual seperti solat, tetapi juga merangkumi semua aspek kehidupan yang dilakukan dengan niat yang ikhlas semata-mata kerana Allah SWT (Al-Qaraḍāwī, 1991). Beliau menekankan bahawa umat Islam haruslah menjadikan ketakwaan dan pengabdian kepada Allah SWT sebagai panduan dalam kehidupan harian. Hal ini termasuklah dalam urusan keluarga, pekerjaan dan interaksi sosial.

2.2.4 *Maqṣad* keempat: *Tazkiyāt al-nafs al-bashariyyah* (penyucian jiwa manusia)

Antara *maqāṣid al-Qurʾān* menurut al-Qaraḍāwī (1991) adalah penyucian jiwa manusia. Al-Quran melalui Surah al-Shams [91] ayat 9 dan 10 menegaskan bahawa jiwa manusia akan sejahtera sekiranya berada dalam keadaan suci daripada kekotoran maksiat, manakala sebaliknya berada dalam keadaan kehampaan. Firman Allah SWT tersebut adalah seperti berikut:

﴿قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا ﴿٩﴾ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا ﴿١٠﴾﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya -yang sedia bersih- bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan). Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).”

Kepentingan penyucian jiwa juga dilihat signifikan kerana ia merupakan di antara objektif utama perutusan para rasul kepada manusia seperti yang dinyatakan di dalam surah Āli ʿImrān [3] ayat ke-164:

﴿لَقَدْ مَنَّ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ ۖ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿١٧٦﴾﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah SWT telah mengurniakan (rahmat-Nya) kepada orang-orang yang beriman, setelah Ia mengutuskan dalam kalangan mereka seorang Rasul dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah SWT (kandungan Al-Quran yang membuktikan keesaan Allah SWT dan kekuasaan-Nya), dan membersihkan mereka (dari iktikad yang sesat), serta mengajar mereka kitab Allah SWT (al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syariat). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad SAW) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.”

Meskipun usaha penyucian jiwa ini dilihat sebagai proses bersifat individu namun ia merupakan permulaan kepada pembentukan masyarakat yang baik (Al-Qaraḍāwī, 1991). Justeru al-Qaraḍāwī (t.th.) di dalam karyanya bertajuk *Madkhal li Ma'rifat al-Islām* (Asas mengenali Islam) menyatakan bahawa matlamat utama agama Islam adalah untuk membina insan soleh yang mempunyai nilai-nilai manusiawi dan mulia. Seterusnya insan-insan soleh ini menjadi asas kepada keluarga, komuniti dan umat yang soleh.

2.2.5 Maqṣad kelima: *Takwīn al-usrah wa inṣāf al-mar'ah* (pembangunan keluarga dan keadilan wanita)

Seterusnya, al-Qaraḍāwī menjadikan pembangunan keluarga sebagai antara *maqāṣid al-Qur'ān* yang utama dan merupakan teras kepada masyarakat yang baik serta asas kepada kelahirannya umat yang soleh dan berjaya. Asas kepada pembentukan keluarga ialah perkahwinan, iaitu ikatan syarii yang kukuh dan diasaskan atas asas ketakwaan kepada Allah SWT dan keredaan-Nya (Al-Qaraḍāwī, 1991). Tambahan pula, al-Qaraḍāwī turut meletakkan keadilan untuk wanita sebagai salah satu *maqāṣid al-Qur'ān* di samping pembentukan keluarga. Hal ini dibuktikan apabila al-Quran mengangkat martabat wanita dan memberikan mereka hak-hak sebagai insan, anak perempuan, isteri, ibu dan ahli masyarakat (Al-Qaraḍāwī, 1991). Al-Qaraḍāwī (1991) juga memberikan kenyataan bahawa tidak didapati dalam mana-mana umat pun yang memberi kepada wanita sebagaimana yang diberikan oleh Islam dari segi hak, pemeliharaan dan kemuliaan.

2.2.6 Maqṣad keenam: *Binā' al-ummah al-shahīdah 'ala al-bashariyyah* (pembinaan umat manusia)

Antara tujuan utama al-Quran menurut al-Qaraḍāwī adalah pembinaan umat manusia iaitu umat yang melaksanakan risalah al-Quran, mengasaskan kehidupannya atas akidah, syariah dan akhlak al-Quran, mendidik generasinya atas dasar prinsip dan nilai al-Quran serta memikul tanggungjawab risalah itu ke seluruh dunia. Jika dilihat dalam sejarah Islam, al-Quran datang untuk mencapai matlamat ini dalam suasana masyarakat Arab jahiliah ketika itu yang penuh kebanggaan dengan keturunan dan suku serta memperlihatkan penguasaan kuasa yang zalim serta kejahatan dan penindasan. Maka al-Quran menyelamatkan mereka daripada penjara kesukuan yang sempit kepada umat yang lebih meluas (Al-Qaraḍāwī, 1991).

2.2.7 Maqṣad ketujuh: *Al-Da'wah ila 'ālam insāni muta'āwan* (seruan kepada dunia yang harmoni)

Al-Qaraḍāwī (1991) mengakhiri perbincangan *maqāṣid al-Qur'ān* di dalam kitabnya dengan maqṣad yang menarik iaitu al-Quran bertujuan menyeru kepada dunia yang harmoni. Menurut beliau juga, al-Quran kerap memberikan penekanan bahawa mesej al-Quran adalah bersifat universal dan ditujukan buat seluruh manusia seperti dalam firman Allah SWT pada Surah al-Furqān [25] ayat 1:

﴿تَبَارَكَ الَّذِي نَزَّلَ الْفُرْقَانَ عَلَى عَبْدِهِ لِيَكُونَ لِلْعَالَمِينَ نَذِيرًا ﴿١﴾﴾

Maksudnya:

“Maha berkat Tuhan yang menurunkan *al-Furqān* kepada hamba-Nya (nabi Muhammad SAW), untuk menjadi peringatan dan amaran bagi seluruh penduduk alam.”

Begitu juga dalam surah al-Jāthiyah [45] ayat 20:

﴿هَذَا بَصِيرَةٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّقَوْمٍ يُوقِنُونَ ﴿٢٠﴾﴾

Maksudnya:

“Al-Quran ini menjadi panduan-panduan yang membuka matahati manusia, dan menjadi hidayah petunjuk serta membawa rahmat bagi kaum yang meyakini (kebenarannya).”

Dalam konteks ini, al-Quran menggariskan tujuan utama umat Islam untuk membawa keadilan, keselamatan dan perdamaian kepada dunia dalam hubungan sesama Muslim mahupun bukan Muslim. Beliau juga menyatakan bahawa umat ini dipertanggungjawabkan untuk menjalankan risalah Islam secara adil dan bijaksana kepada seluruh umat manusia ([Al-Qaradāwī 1991](#)).

Berdasarkan *maqāṣid al-Qur’ān* yang digariskan oleh al-Qaradāwī, dapat disimpulkan bahawa *maqāṣid* tentang akidah, ibadah dan takwa adalah berkaitan hubungan antara seorang hamba dan Tuhannya. Seterusnya, *maqāṣid* tentang insan, keluarga dan komuniti yang soleh adalah berkaitan hubungan antara masyarakat. Manakala *maqāṣid* tentang kehormatan manusia dan hak-haknya adalah berkaitan manusia sejagat tanpa mengira akidah dan usaha untuk menjaga kehormatan serta menunaikan hak-hak mereka ([Darmūsh, 2024](#)).

2.3 Cabaran Etika Kecerdasan Buatan

Kecerdasan buatan atau *Artificial Intelligence* (AI) adalah konsep yang luas dan masih berkembang serta didefinisikan sebagai keupayaan mesin untuk menjalankan tugas-tugas yang biasanya memerlukan kecerdasan manusia termasuk fungsi kognitif kompleks seperti penaaakulan, pembelajaran dan penyelesaian masalah ([Morandin-Ahuerma, 2022](#)). Bidang ini merangkumi pelbagai bentuk kecerdasan mesin yang menonjolkan perbezaan yang jelas dengan kecerdasan semula jadi yang terdapat pada manusia dan haiwan ([Nagendraswamy & Salis, 2021](#)).

Selain itu, kecerdasan buatan merangkumi pelbagai teknologi canggih seperti pembelajaran mesin dan visi komputer yang merupakan kaedah yang direka untuk membolehkan mesin belajar daripada data dan mentafsirkan maklumat visual ([Przegalinska, 2019](#)). Secara keseluruhannya, kecerdasan buatan mewakili sekumpulan teknologi pengkomputeran yang diinspirasi oleh proses kognitif manusia dengan matlamat untuk membangunkan sistem yang mampu melaksanakan tugas secara autonomi atau semi-autonomi serta mengurangkan keperluan untuk campur tangan manusia secara langsung ([Morandin-Ahuerma, 2022](#); [Przegalinska, 2019](#)).

Kecerdasan buatan (AI) telah mencapai kemajuan yang signifikan dalam pelbagai bidang serta menawarkan potensi besar dalam meningkatkan kecekapan dan menyelesaikan masalah kompleks. Namun, perkembangan pesat teknologi ini juga membawa bersama pelbagai cabaran etika yang perlu diberi perhatian serius. Cabaran-cabaran ini bukan sahaja melibatkan aspek teknikal, tetapi juga menyentuh dimensi moral dan sosial yang memerlukan pemahaman mendalam dan pendekatan yang bertanggungjawab dalam penggunaannya. Isu seperti algoritma berat sebelah, privasi dan keselamatan data serta akauntabiliti keputusan automatik menjadi aspek penting yang memerlukan perhatian khusus. Bahagian ini akan menghuraikan secara ringkas berkaitan cabaran etika dalam penggunaan kecerdasan buatan.

2.3.1 Isu algoritma berat sebelah

Algoritma berat sebelah dalam sistem kecerdasan buatan menimbulkan cabaran etika dan sosial yang merisaukan kerana ia berpotensi untuk mengakibatkan diskriminasi dan ketidakadilan dalam pelbagai sektor ([Jain & Menon, 2023](#); [Talati, 2021](#)). Kecenderungan ini disebabkan beberapa faktor termasuk kekurangan kepelbagaian dalam set data yang digunakan untuk melatih sistem tersebut, dasar pembelajaran yang cacat yang secara tidak sengaja mempromosikan hasil yang berat sebelah serta prejudis institusi yang tertanam dalam data itu sendiri ([Fu, Huang, & Singh, 2020](#); [Jain & Menon, 2023](#)). Kesan kecenderungan ini dapat dilihat dalam bidang yang kritikal seperti pekerjaan apabila pemohon kerja mungkin diketepikan secara tidak adil berdasarkan algoritma yang berat sebelah. Dalam sektor pendidikan, sistem yang dipacu oleh sistem kecerdasan buatan secara tidak sengaja boleh mengecualikan kumpulan tertentu daripada akses kepada sumber pendidikan. Manakala dalam sektor kewangan, akses kepada kredit di mana sesetengah demografi mungkin ditolak daripada perkhidmatan kewangan akibat model pembuatan keputusan yang berat sebelah ([Fu et al., 2020](#)).

Rentetan itu, cabaran etika yang ditimbulkan oleh algoritma berat sebelah dalam teknologi kecerdasan buatan adalah serius dengan implikasi negatif terhadap keadilan, kebenaran dan kesaksamaan. Solusi dalam mengatasi cabaran ini memerlukan kepada usaha bersama dari segi teknikal, pengawalseliaan dan orientasi komuniti untuk memastikan teknologi kecerdasan buatan dibangunkan dan digunakan dengan cara yang selaras dengan penjagaan hak asasi manusia. Namun yang lebih utama, adalah keperluan terhadap panduan Islam yang

beretika dan selari dengan kehendak syariah. Seiring dengan perkembangan pesat teknologi ini, amatlah penting untuk mengutamakan pembasmian sifat berat sebelah agar tidak meneruskan ketidaksamaan yang merugikan dalam masyarakat.

2.3.2 Privasi dan keselamatan data

Pengintegrasian teknologi kecerdasan buatan dalam pelbagai industri telah meningkatkan kecekapan operasi dan inovasi secara signifikan. Namun, perkembangan ini turut menimbulkan kebimbangan yang besar mengenai privasi data dan keselamatan, terutamanya apabila data sensitif pengguna semakin banyak disimpan dan diproses oleh sistem tersebut. Isu ini amat ketara dalam sektor seperti pendidikan dan pemasaran di mana platform-platform ini mengumpul sejumlah besar data peribadi yang berisiko disalahgunakan atau dieksploitasi (Alhitmi, Mardiah, Al-Sulaiti, & Abbas, 2024; Jose, 2024). Risiko pelanggaran privasi, kebocoran data dan akses haram terhadap maklumat sulit kini menjadi cabaran etika utama dalam penerimaan teknologi AI (Prajapati, 2025).

Walaupun terdapat penyelesaian yang dicadangkan, namun cabaran besar tetap wujud dalam menyeimbangkan perlindungan data dengan keperluan pemrosesan data berskala besar. Teknologi yang melindungi privasi meskipun penting, kadangkala boleh memberi kesan negatif terhadap prestasi dan kebolehskalaan (scalability) model kecerdasan buatan. Pelaksanaan langkah-langkah keselamatan seperti penyulitan dan privasi berbeza boleh mengurangkan kecekapan sistem kecerdasan buatan serta menyukarkan pencapaian prestasi optimum sambil memastikan perlindungan data pengguna yang mencukupi (Prajapati, 2025).

Justeru, etika berkaitan dengan privasi dan keselamatan data dalam penggunaan teknologi keerdasan buatan merupakan sebuah cabaran yang secara langsung memberi kesan terhadap hak asasi pengguna. Walaupun terdapat penyelesaian teknikal yang menjanjikan dan cadangan pengawalseliaan yang bertujuan untuk melindungi data, namun pertukaran antara perlindungan data dan prestasi model kecerdasan buatan kekal sebagai halangan utama. Seiring dengan perkembangan pesat teknologi ini, terdapat desakan untuk memastikan cabaran etika ini diatasi dengan cara yang mengutamakan privasi pengguna serta penggunaan teknologi kecerdasan buatan yang beretika dan bertanggungjawab.

2.3.3 Akauntabiliti keputusan automatik


Peningkatan penggunaan sistem pembuatan keputusan automatik dalam pentadbiran awam telah menimbulkan kebimbangan yang signifikan berkenaan dengan akauntabiliti. Walaupun sistem ini menawarkan manfaat dari segi kecekapan, ia juga membawa cabaran dalam memastikan keadilan dan ketelusan dalam proses pembuatan keputusan (Gualdi & Cordella, 2021; Nalbandian, 2022). Salah satu cabaran utama terletak pada sifat kompleks dan kabur teknologi kecerdasan buatan yang menyukarkan usaha untuk mengesan kesilapan dan kecenderungan dalam proses pembuatan keputusan. Kekurangan ketelusan ini bukan sahaja mengurangkan keupayaan untuk mengenal pasti dan membetulkan kesilapan, malah ia juga merumitkan penguatkuasaan rangka kerja asal yang telah direka untuk memastikan pembuat keputusan bertanggungjawab (Sun, 2025). Dalam kes-kes di mana sistem automatik membuat keputusan yang signifikan mengenai kehidupan individu seperti dalam kebajikan sosial, keadilan jenayah atau penjagaan kesihatan, risiko ketidakadilan dan diskriminasi menjadi lebih ketara.

Oleh itu, walaupun penggunaan teknologi kecerdasan buatan dalam pentadbiran awam menawarkan manfaat besar dari segi kecekapan, ia juga membawa cabaran etika dan akauntabiliti yang serius. Bagi mengurangkan cabaran-cabaran ini, pendekatan yang menyeluruh dengan melibatkan elemen etika Islam, kemudian mekanisme ketelusan dan pengawasan adalah sangat penting. Melalui penstrukturan dan penguatkuasaan panduan Islam yang beretika untuk menangani kebimbangan ini, kita dapat memastikan pembangunan dan penggunaan teknologi kecerdasan buatan yang bertanggungjawab sambil mengekalkan kepercayaan awam dan melindungi hak asasi mereka.

Kesimpulannya, cabaran etika yang ditimbulkan oleh teknologi kecerdasan buatan boleh memberikan impak yang besar dalam masyarakat terutamanya dari segi menjadikan ketidaksamaan yang sedia ada bertambah parah. Walaupun teknologi tersebut mempunyai peluang untuk mengatasi beberapa ketidaksamaan ini dengan meningkatkan kecekapan dan akses, ia juga berisiko menambah jurang melalui kecenderungan algoritma dan ketidakadilan akses. Oleh itu, adalah penting untuk menghasilkan panduan untuk mendepani cabaran etika kecerdasan buatan yang berlandaskan kepada *maqāṣid al-Qur'ān*. Hal ini menatijahkan pembangunan teknologi dan sistem kecerdasan buatan yang inklusif, telus dan adil bagi memastikan manfaat teknologi dan sistem tersebut dikongsi secara saksama untuk mengelakkan ketidaksamaan sosioekonomi.

Rajah 2

Cabaran Etika Kecerdasan Buatan



Sumber: Serry, 2025

Sebagai rumusan juga, cabaran etika yang ditimbulkan oleh kecerdasan buatan adalah seperti di Rajah 2 di atas yang melibatkan isu-isu yang kritikal seperti algoritma berat sebelah, privasi dan keselamatan data serta akauntabiliti dalam keputusan automatik. Setiap cabaran ini mempunyai implikasi yang mendalam terhadap keadilan, hak asasi manusia dan kesaksamaan dalam masyarakat. Untuk mengatasi isu-isu ini, pelbagai usaha dapat dilakukan seperti penambahbaikan sudut teknikal dan pengawalseliaan yang ketat. Namun, elemen rohani yang dapat melahirkan pengguna yang beretika juga amat penting sebagai satu pendekatan untuk menghadapi isu ini secara menyeluruh. Justeru, panduan untuk menangani cabaran etika kecerdasan buatan yang berpandukan kepada *maqāṣid al-Qur'ān* perlu dibentuk bagi membangunkan teknologi kecerdasan buatan yang bertanggungjawab, melindungi privasi dan menjamin keadilan sosial. Oleh itu, artikel ini mencadangkan panduan menangani cabaran etika penggunaan kecerdasan buatan berpandukan *maqāṣid al-Qur'ān* menurut [al-Qaraḍāwī \(1991\)](#).

3. PANDUAN MENANGANI CABARAN ETIKA PENGGUNAAN KECERDASAN BUATAN BERPANDUKAN *MAQĀṢID AL-QUR'ĀN* MENURUT YŪSUF AL-QARAḌĀWĪ

Bahagian ini akan memfokuskan kepada pembentukan panduan menangani cabaran etika penggunaan kecerdasan buatan berpandukan *maqāṣid al-Qur'ān* menurut [al-Qaraḍāwī \(1991\)](#). Dalam konteks ini, setiap *maqāṣid* memberikan panduan yang boleh diterapkan untuk memastikan pembangunan dan penggunaan teknologi kecerdasan buatan tidak hanya berasaskan kepada kecekapan teknikal akan tetapi turut memenuhi prinsip moral, keadilan dan hak asasi manusia. Artikel ini menghasilkan lima panduan dalam menangani cabaran etika penggunaan kecerdasan buatan seperti di Jadual 1 dan dihuraikan di bawah.

3.1 Menegakkan Keadilan dan Mengelak Diskriminasi

Maqṣad Taṣḥīḥ al-'Aqā'id wa al-Taṣawwūrāt oleh [al-Qaraḍāwī \(1991\)](#) dapat dijadikan panduan untuk memastikan sistem kecerdasan buatan dibangunkan selaras dengan nilai kemanusiaan, keadilan dan moral sejagat. Malah prinsip keadilan adalah asas utama dalam mengekalkan keharmonian sosial tanpa diskriminasi ([Usman et al., 2024](#)). Berdasarkan prinsip ini, kecerdasan buatan tidak memadai dinilai pada dimensi teknikal semata-mata, sebaliknya ia menuntut pertimbangan etika yang mendalam agar teknologi digunakan demi kebaikan umat manusia dan pemeliharaan kemuliaan insan. Hasil analisis mengesahkan keperluan penilaian sistematik terhadap implikasi etika dan sosial dalam reka bentuk serta pengoperasian sistem kecerdasan buatan, selari dengan penekanan agar ia berfungsi mencegah ketidakadilan dan penyalahgunaan kuasa ([Covls & Floridi, 2018](#); [Rogozea, 2009](#)).

Selanjutnya, dapatan menegaskan bahawa penerapan *maqṣad* ini menuntut intervensi pendidikan yang berfokus kepada etika penggunaan kecerdasan buatan dengan integrasi nilai-nilai Islam dan prinsip kemanusiaan. Pendidikan sedemikian bertujuan mengalihkan orientasi penggunaan daripada semata-mata mengejar keuntungan kepada pembentukan impak sosial yang positif dan beretika, selaras dengan tuntutan untuk menegakkan keadilan serta mengelakkan diskriminasi dalam keputusan berasaskan kecerdasan buatan (Al-Qaraḍāwī, 1991; Cowls & Floridi, 2018). Di samping itu, dapatan juga menggariskan keperluan penyertaan aktif ulama, pemikir dan pembuat dasar sepanjang proses pembangunan kecerdasan buatan bagi memastikan asas pemikiran yang digunakan tidak bercanggah dengan nilai akidah yang murni (Rane, Shirke, Choudhary, & Rane, 2024). Penglibatan ini bertujuan menginstitusikan prinsip keadilan, penghormatan hak asasi manusia dan kesejahteraan bersama dalam garis panduan serta amalan pembangunan kecerdasan buatan.

Kesimpulannya, panduan “Menegakkan Keadilan dan Mengelak Diskriminasi” berakar pada *maqṣad Taṣḥīḥ al-‘Aqā’id wa al-Taṣawwūrāt* dan terlaksana melalui tiga keutamaan: (i) penjajaran nilai kecerdasan buatan dengan keadilan dan kemanusiaan; (ii) pemeraksanaan pendidikan etika kecerdasan buatan berasaskan nilai Islam; dan (iii) penginstitusian kerjasama ulama, ahli teknologi dan pembuat dasar untuk memastikan sistem kecerdasan buatan menghormati maruah, hak dan kesejahteraan bersama (Al-Qaraḍāwī, 1991; Cowls & Floridi, 2018; Rogoza, 2009; Rane et al., 2024).

3.2 Menjaga Maruah dan Privasi Manusia

Maqṣad Taqrīr Karāmat al-Insān wa Ḥuqūqih menekankan kepentingan penghormatan terhadap maruah dan hak asasi manusia sebagai asas pembinaan masyarakat yang adil dan sejahtera (Al-Qaraḍāwī, 1991). Dalam konteks kecerdasan buatan, prinsip ini menuntut agar setiap sistem dan teknologi kecerdasan buatan dirangka untuk melindungi kehormatan individu dengan menjadikan hak privasi, kebebasan daripada diskriminasi dan perlindungan daripada eksploitasi sebagai keutamaan utama. Hal ini sejajar dengan pendapat Laukyte (2020) yang mendapati bahawa aplikasi kecerdasan buatan tidak boleh dibiarkan beroperasi secara bebas daripada pertimbangan etika, sebaliknya ia harus menjadi instrumen untuk memperkasa pengguna dengan memberi kawalan lebih besar terhadap data peribadi mereka serta menjamin keputusan algoritma yang adil dan tidak memihak.

Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa penerapan *maqṣad* ini memerlukan kerangka perundangan dan garis panduan khusus bagi memastikan penggunaan kecerdasan buatan tidak menjejaskan hak asasi, khususnya berkaitan privasi dan kebebasan individu. Peraturan ini perlu merangkumi aspek pengumpulan, penyimpanan serta penggunaan data peribadi dengan matlamat menghalang penyalahgunaan maklumat yang boleh mendatangkan mudarat kepada individu atau kelompok tertentu (Fattah & Mohamed, 2024). Melalui pendekatan ini, sistem kecerdasan buatan dapat diarahkan untuk berfungsi sebagai mekanisme perlindungan sosial yang memartabatkan hak manusia dalam persekitaran digital.

Kesimpulannya, hasil kajian menegaskan bahawa panduan menjaga maruah dan privasi manusia yang bersumberkan *maqṣad Taqrīr Karāmat al-Insān wa Ḥuqūqih* menyediakan prinsip asas yang kukuh dalam memastikan teknologi kecerdasan buatan berkembang selaras dengan *maqāṣid al-Qur’ān* sekali gus melindungi dan memartabatkan martabat setiap insan.

3.3 Mengutamakan Kemaslahatan dan Mengelak Kemudaratan

Maqṣad ‘Ibādat Allāh wa Taqwāh dan *Tazkiyat al-Nafs al-Bashariyyah* menuntut agar setiap pembangunan dan penggunaan kecerdasan buatan dijalankan dengan niat yang ikhlas serta berpaksikan taqwa kepada Allah SWT (Al-Qaraḍāwī, 1991). Prinsip ini menegaskan bahawa kecerdasan buatan harus berfungsi sebagai instrumen untuk menyokong *maqāṣid al-Qur’ān* melalui peningkatan kesejahteraan masyarakat, keadilan sosial dan penyelesaian cabaran global. Pada masa yang sama, tidak bertindak sebagai alat eksploitasi yang merugikan umat manusia. Oleh itu, dapatan kajian menekankan bahawa kecerdasan buatan mesti digunakan dengan penuh integriti, tanggungjawab dan berorientasikan manfaat kolektif selaras dengan tuntutan Islam yang menghubungkan kemajuan teknologi dengan nilai keagamaan.

Penerapan *maqṣad* ini juga menuntut agar penggunaan kecerdasan buatan digalakkan untuk tujuan kemaslahatan yang jelas seperti meningkatkan akses kepada pendidikan, menyediakan rawatan kesihatan yang lebih baik serta menawarkan penyelesaian terhadap isu-isu global seperti perubahan iklim dan kemiskinan (Maiga, 2025). Dalam kerangka ini, kecerdasan buatan perlu dikawal agar tidak digunakan untuk tujuan yang membawa ketidakadilan atau kemudaratan, bahkan sebaliknya dimanfaatkan secara beretika untuk memperkukuh kesejahteraan masyarakat (Malik, Malik, & Mustika, 2024). Rentetan itu, satu garis panduan yang mencakupi aspek pengumpulan, penyimpanan dan penggunaan data peribadi perlu diusahakan agar selaras

dengan prinsip menjaga hak asasi manusia khususnya hak privasi dan kebebasan individu (Fattah & Mohamed, 2024).

Kesimpulannya, panduan “Mengutamakan Kemaslahatan dan Mengelak Kemudharatan” yang berpaksikan *maqṣad ‘Ibādat Allāh wa Taqwāh* dilihat meletakkan etika Islam sebagai asas dalam penggunaan kecerdasan buatan. Hal ini memastikan teknologi ini tidak hanya menyumbang kepada kemajuan teknikal akan tetapi turut berperanan sebagai wahana keadilan, kesejahteraan dan pemeliharaan maruah manusia sejajar dengan tuntutan *maqāṣid al-Qur’ān*.

3.4 Memperkasa Keluarga dan Masyarakat

Maqṣad Takwīn al-Urah wa Inṣāf al-Mar’ah menekankan kepentingan pembangunan keluarga yang sejahtera serta keadilan terhadap wanita manakala *maqṣad Binā’ al-Ummah al-Shahīdah ‘ala al-Bashariyyah* menuntut pembinaan umat yang adil, bertanggungjawab dan berperanan sebagai saksi kebenaran dalam masyarakat global (Al-Qaradāwī, 1991). Dalam konteks kecerdasan buatan, panduan ini menuntut agar teknologi digunakan untuk memperkukuh struktur keluarga dan menyokong kesejahteraan domestik. Ia perlu direka bentuk bagi memberi impak positif terhadap pengurusan kehidupan seharian keluarga, meningkatkan kecekapan serta mengurangkan kos sekali gus memperbaiki kualiti hidup (Nhizam, Zyarif, & Tuhfa, 2021). Sehubungan itu, penerapan prinsip ini dapat dilakukan melalui penggunaan kecerdasan buatan yang menyokong kesejahteraan keluarga, khususnya dalam pengurusan masa, pendidikan anak-anak serta penyediaan platform sokongan sosial. Teknologi boleh membantu ibu bapa mengatur masa dengan lebih efisien, memudahkan perancangan pendidikan anak serta memberi ruang kepada akses sokongan komuniti yang lebih efektif. Kesemua usaha ini selaras dengan *maqṣad* untuk memastikan keluarga sebagai unit asas masyarakat berkembang dengan sihat dan adil.

Teknologi kecerdasan buatan juga boleh digunakan untuk membentuk masyarakat yang harmoni, adil dan mampu menangani isu-isu sosial sejagat. Ia perlu dimanfaatkan bagi tujuan penyelesaian masalah sosial, mengurangkan ketidakadilan serta mengatasi isu-isu seperti kemiskinan, ketidaksamaan akses pendidikan dan jurang dalam perkhidmatan kesihatan. Dapatan ini didukung oleh pandangan Flanagan, Howe dan Nissenbaum (2008) yang menekankan keperluan mengintegrasikan nilai sosial, moral dan politik ke dalam reka bentuk teknologi seiring dengan fungsi teknikalnya.

Kesimpulannya, dapatan menggariskan bahawa panduan “Memperkasa Keluarga dan Masyarakat” melalui *maqṣad Takwīn al-Urah wa Inṣāf al-Mar’ah* dan *Binā’ al-Ummah al-Shahīdah ‘ala al-Bashariyyah* memperlihatkan dua lapisan etika utama: pertama, memperkukuh institusi keluarga dan memastikan keadilan gender; kedua, membina masyarakat yang adil, seimbang dan bertanggungjawab. Kedua-dua prinsip ini memberi prinsip asas yang kukuh untuk memastikan kecerdasan buatan digunakan bukan sahaja untuk kemajuan teknikal, tetapi juga bagi menyumbang kepada kesejahteraan keluarga, keadilan sosial dan pembangunan masyarakat secara menyeluruh.

3.5 Mewujudkan Keadilan Global dan Keharmonian

Maqṣad al-Da’wah ilā ‘Ālam Insānī Muta’āwan menekankan kepentingan umat manusia saling bekerjasama demi kesejahteraan bersama bagi membentuk dunia yang harmoni (Al-Qaradāwī, 1991). Dalam konteks kecerdasan buatan, prinsip ini menggesa agar teknologi tidak digunakan untuk kepentingan sempit atau eksklusif, tetapi sebaliknya dimanfaatkan sebagai instrumen yang menyatukan masyarakat dunia serta menyumbang kepada kesejahteraan kolektif. Analisis mendapati bahawa kecerdasan buatan mempunyai potensi untuk menjadi pemangkin kepada usaha penyelesaian isu global seperti perubahan iklim, kemiskinan dan ketidaksamaan sosial, sejajar dengan tuntutan *maqāṣid al-Qur’ān* untuk membina dunia yang adil dan seimbang.

Penerapan *maqṣad* ini juga menuntut pembentukan kerangka peraturan antarabangsa yang mengawal penggunaan kecerdasan buatan agar ia digunakan secara beretika untuk kepentingan bersama. Tindakan ini termasuk menyeru para pemimpin dunia agar bekerjasama dalam mewujudkan undang-undang dan garis panduan bersama demi memastikan hubungan damai antara manusia dan teknologi (Kaplan & Haenlein, 2020). Melalui kerangka tersebut, kecerdasan buatan dapat dimanfaatkan untuk memantau, menganalisis dan menyediakan penyelesaian terhadap isu-isu besar yang memberi kesan langsung kepada kesejahteraan masyarakat global.

Selain itu, pembangunan kecerdasan buatan juga mesti mengelakkan sebarang bentuk diskriminasi atau amalan yang memecah-belahkan masyarakat. Sebaliknya, teknologi ini perlu berfungsi sebagai medium untuk memperkukuh rasa saling menghormati, keadilan sosial dan perpaduan global. Usaha untuk mengislah dan mengharmonikan masyarakat ini merupakan satu manifestasi diri terhadap ketaatan kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW, malah menjadi amanah yang dipertanggungjawabkan kepada seluruh umat Islam (Rozani,

Usman, & Abdullah, 2024). Oleh itu, *maqṣad al-Da'wah ilā 'Ālam Insānī Muta'āwan* berperanan sebagai prinsip asas yang jelas dalam memastikan pembangunan dan penggunaan kecerdasan buatan tidak hanya berorientasikan kemajuan teknikal, akan tetapi juga menjadi wahana bagi keadilan global dan keharmonian antara manusia.

Kesimpulannya, panduan ini dilihat menyediakan asas penting dalam membentuk kecerdasan buatan sebagai teknologi yang bukan sahaja menyelesaikan cabaran tempatan, tetapi juga memberi manfaat sejagat dengan memperkukuh kerjasama antarabangsa dan melahirkan dunia yang lebih adil, sejahtera dan harmoni.

Rajah 3

Panduan Menangani Cabaran Etika Penggunaan Kecerdasan Buatan Berpandukan *Maqāṣid al-Qur'ān* oleh al-Qaraḍāwī



Sumber: Rozani et al. (2025)

Secara keseluruhannya, panduan menangani cabaran etika penggunaan kecerdasan buatan berpandukan *maqāṣid al-Qur'ān* menurut al-Qaraḍāwī (1991) seperti yang dilakarkan pada Rajah 3 menegaskan bahawa teknologi ini perlu dibangunkan dan diaplikasikan dengan berpaksikan prinsip al-Quran yang menjaga keadilan, maruah, kemaslahatan, kesejahteraan keluarga serta keharmonian global. Melalui lima kerangka panduan yang dikenal pasti iaitu menegakkan keadilan dan mengelak diskriminasi, menjaga maruah serta privasi manusia, mengutamakan kemaslahatan dan mengelak kemudaratan, memperkasa keluarga dan masyarakat, serta mewujudkan keadilan global dan keharmonian, dapat dirumuskan bahawa *maqāṣid al-Qur'ān* berperanan sebagai prinsip asas yang kukuh dalam membentuk hala tuju penggunaan kecerdasan buatan. Justeru, panduan ini bukan sahaja memastikan teknologi selaras dengan tuntutan al-Quran, malah menjadikannya wahana yang mendukung keadilan sosial, memperkukuh institusi keluarga, memelihara hak asasi manusia serta memperluas manfaat teknologi kepada umat manusia sejagat. Hal ini sekali gus meneguhkan peranan integrasi ulama, pakar teknologi dan pembuat dasar dalam merangka garis panduan etika kecerdasan buatan yang komprehensif, holistik dan berorientasikan kesejahteraan insan.

4. KESIMPULAN

Kajian ini menegaskan bahawa *maqāṣid al-Qur'ān* mampu berperanan sebagai prinsip asas dan etika dalam menangani cabaran penggunaan kecerdasan buatan. Prinsip-prinsip *maqāṣid* seperti menegakkan keadilan, memelihara maruah dan hak asasi manusia, mengutamakan kemaslahatan, memperkukuh institusi keluarga serta membina keharmonian global, terbukti relevan untuk membimbing arah pembangunan serta penggunaan teknologi moden. Hasil kajian ini menjawab persoalan asas yang dikemukakan, iaitu bagaimana *maqāṣid al-Qur'ān* dapat dijadikan panduan dalam menangani cabaran etika kecerdasan buatan. Jelaslah bahawa *maqāṣid* bukan

sahaja bersifat konseptual tetapi juga praktikal untuk memastikan kecanggihan teknologi berkembang selaras dengan tuntutan syariah serta memberi manfaat yang menyeluruh kepada umat manusia.

Penulis berpendapat bahawa pembangunan kecerdasan buatan memerlukan penglibatan pelbagai pihak termasuk ulama, ahli teknologi dan pembuat dasar dalam menggubal garis panduan etika yang menyeluruh dan bersepadu sama ada dari sudut pembangunan mahupun penggunaan. Peranan ulama adalah memastikan nilai Islam dan *maqāṣid al-Qur'ān* terpelihara dalam setiap peringkat pembangunan dan penggunaan teknologi. Ahli teknologi pula bertanggungjawab menterjemahkan nilai tersebut ke dalam reka bentuk sistem manakala pembuat dasar perlu menggubal undang-undang dan polisi yang selaras dengan prinsip *maqāṣid*. Integrasi ini dapat memastikan bahawa penggunaan kecerdasan buatan tidak menyimpang daripada nilai kemanusiaan, tidak menjejaskan kesejahteraan sosial dan tidak menjadi alat diskriminasi atau eksploitasi, sebaliknya berfungsi sebagai instrumen yang menyokong keadilan dan kemakmuran bersama.

Selain itu, dapatan kajian ini turut membuka ruang untuk agenda penyelidikan masa depan. Antara bidang yang memerlukan penelitian lanjut termasuklah mekanisme praktikal pengintegrasian *maqāṣid al-Qur'ān* dalam reka bentuk teknologi, kerangka polisi kecerdasan buatan berteraskan Islam yang boleh diguna pakai di peringkat global serta strategi pelaksanaan etika kecerdasan buatan dalam sektor-sektor kritikal seperti pendidikan, kesihatan, ekonomi dan pentadbiran. Penyelidikan lanjutan juga boleh menilai bagaimana *maqāṣid al-Qur'ān* dapat berinteraksi dengan prinsip etika antarabangsa sedia ada untuk membentuk standard etika kecerdasan buatan yang lebih inklusif dan seimbang. Oleh itu, kajian ini bukan sahaja memperkukuh wacana etika Islam dalam konteks teknologi tetapi juga menyumbang kepada perbahasan global tentang keupayaan kecerdasan buatan yang boleh dimanfaatkan untuk membina dunia yang lebih adil, sejahtera dan harmoni.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan kewangan atau bukan kewangan dalam perkara atau bahan yang dibincangkan dalam artikel ini.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Islam Selangor (UIS) atas sokongan dan dorongan berterusan sepanjang penulisan artikel ini. Persekitaran akademik serta sumber yang disediakan oleh universiti telah menjadi faktor penting dalam melancarkan proses penulisan dan penyelidikan artikel ini. Ucapan terima kasih khusus juga ditujukan kepada para pensyarah dan penyelia penyelidikan yang telah membimbing dan memberi sumbangan besar terhadap perkembangan penulisan artikel ini.

SUMBANGAN PENULIS

Artikel ini adalah hasil sumbangan ilmu yang signifikan dalam penulisan yang dilakukan oleh empat orang pengarang. Muhammad Aizat Syimir Rozani mengumpul dan menganalisis data. Mohd Farid Ravi Abdullah dan Nurzatil Ismah Azizan memberikan input berkaitan ilmu tafsir dan al-Quran. Manakala Fakih Abdul Aziz memberikan input berkaitan ilmu *maqāṣid*.

RUJUKAN

Al-Ghazālī, A. Ḥ. (1990). *Jawāhir al-Qur'ān*. Beirut: Dār Iḥyā' al-'Ulūm.

Alhitmi, H. K., Mardiah, A., Al-Sulaiti, K. I., & Abbas, J. (2024). Data security and privacy concerns of AI-driven marketing in the context of economics and business field: An exploration into possible solutions. *Cogent Business & Management*, 11(1), 2393743. <https://doi.org/10.1080/23311975.2024.2393743>.

Al-Muntār, M. (2013). *Al-Idrāk al-maqāṣidī muḥaddidun min muḥaddidāt tadabbur al-Qur'ān al-Karīm*. Dlm. *Al-Mu'tamar al-'Ālamī al-Awwal li Tadabbur al-Qur'ān al-Karīm*, Doha.

- Al-Qaraḍāwī, Y. (t.th.). *Madkhal li ma'rifat al-Islām*. Dicapai daripada <https://www.al-qaradawi.net/sites/default/files/pdf/d40e1-madkhal-lmaarft-aleslam.pdf>.
- Al-Qaraḍāwī, Y. (1983). *Al-Khaṣā'ish al-'āmmah li al-Islām*. Beirut: Mu'assasat al-Risālah.
- Al-Qaraḍāwī, Y. (1991). *Kayf nata 'amal ma'a al-Qur'ān*. Virginia: Al-Ma'had al-'Ālamī li al-Fikr al-Islāmī.
- Bushiri, M. (2019). Tafsir al-Qur'an dengan pendekatan maqāshid al-Qur'ān perspektif Taha Jabir al-'Alwani. *Tafsire*, 7(1), 132–49. Dicapai daripada <https://psqdigitallibrary.com/pustaka/repository/10013-23686-1-SM.pdf>.
- Cowls, J., & Floridi, L. (2018). *Prolegomena to a white paper on an ethical framework for a good AI society*. <http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.3198732>.
- Darmūsh, A. H. . (2024). Maqāshid al-Qur'ān al-Karīm 'inda al-Shaykh al-Qaraḍāwī (1444 H) yarḥamuh Allah qirā'at fī al-Maḍmūn wa al-Ab'ād wa al-Manhaj. *Majallat al-Qalam li al-'Ulūm al-Insāniyyah wa al-Taḥbiqiyah*, 11(44), 120-150. Dicapai daripada <https://quni.edu.ye/journal/index.php/alqalam/article/view/792>.
- Fattah, K. E., & Mohamed, B. (2024). The role of law in addressing the risks of using artificial intelligence. *International Journal of Science, Technology and Society*, 12(5), 151-158. <https://doi.org/10.11648/j.ijsts.20241205.12>.
- Fikriyati, U. (2019). Maqāshid al-Qur'ān: Genealogi dan peta perkembangannya dalam khazanah keislaman. *Jurnal Kebudayaan Dan Ilmu Keislaman*, 12(2), 194–215. Dicapai daripada <https://download.garuda.kemdikbud.go.id/article.php?article=1734312&val=14872&title=MAQID%20AL-QURN%20GENEALOGI%20DAN%20PETA%20PERKEMBANGANNYA%20DALAM%20KHAZANAH%20KEISLAMAN>.
- Flanagan, M., Howe, D. C., & Nissenbaum, H. (2008). Embodying values in technology: Theory and practice. Dlm. J. van den Hoven & J. Weckert (eds.), *Information Technology and Moral Philosophy*, p. 322. Cambridge: Cambridge University Press. Dicapai daripada https://www.researchgate.net/profile/Daniel-Howe/publication/288448003_Embodying_values_in_technology_Theory_and_practice/links/5def42404585159aa4710f83/Embodying-Values-in-Technology-Theory-and-Practice.pdf.
- Fu, R., Huang, Y., & Singh, P. V. (2020). AI and algorithmic bias: Source, detection, mitigation and implications. *Detection, Mitigation and Implications*. <http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.3681517>.
- Gualdi, F., & Cordella, A. (2021). Artificial intelligence and decision-making: The question of accountability. *Proceedings of the 54th Hawaii International Conference on System Sciences 2021*, 2297-2306.
- Hoque, M., Abd Kadir, K., Yabi, S., Abdul Halim, A., & Toure, A. K. (2023). The relation between maqasid al-Quran and maqasid al-Sunnah: An analytical study. Dlm. *9th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2023)*.
- Ibn 'Āshūr, M. Ṭ. (1984). *Al-Taḥrīr wa al-tanwīr*. Tunisia: Al-Dār al-Tūnisīyah li al-Nashr.
- Ibrahim, R. A., & Abd Kadir, M. N. (2020a). *Al-Tafsir al-Maqasidi konsep dan aplikasi berpandukan tafsir Ibn Ashur*. Bangi: Penerbit UKM.
- Islam, T. (2011). Maqāshid al-Qur'ān: A search for a scholarly definition. *Al-Bayan: Journal of Qur'an and Hadith Studies*, 9(1), 189–207. <https://doi.org/10.1163/22321969-90000026>.

- Islam, T. (2012). The concept of maqasid al-Quran: Its genesis and developments, in *The 2nd Annual International Qur'anic Conference 2012*, pp. 9-24.
- Islam, T. (2022). Expansion of maqāsid beyond maqāsid al-Sharī'ah: Maqāsid al-Qur'ān as a new paradigm. *Hamdard Islamicus*, 45(4), 79–95. <https://doi.org/10.57144/hi.v45i4.514>.
- Islam, T. (2024). Understanding the unity of the quranic text: A theoretical framework based on maqasid. *International Journal of Islamic Studies*, 33(5), 316–22. Dicapai daripada <https://al-qanatir.com/aq/article/view/992>.
- Jain, L. R., & Menon, V. (2023). AI algorithmic bias: Understanding its causes, ethical and social implications. In *2023 IEEE 35th International Conference on Tools with Artificial Intelligence (ICTAI)* (pp. 460-467). IEEE.
- Jose, D. (2024). Data privacy and security concerns in AI-integrated educational platforms. *Recent trends in Management and Commerce*, 5(2), 87-91. <https://doi.org/10.46632/rmc/5/2/19>.
- Kaplan, A., & Haenlein, M. (2020). Rulers of the world, unite! The challenges and opportunities of artificial intelligence. *Business horizons*, 63(1), 37-50. <https://doi.org/10.1016/j.bushor.2019.09.003>.
- Laukyte, M. (2020). Trustworthy artificial intelligence and human rights. *Current issues on Human Rights.-(Debates de la UC3M)*, 69-80. <https://doi.org/10.2307/j.ctv102bm6p.8>.
- Maiga, M. H. (2025). Achieving maqāsid al-Sharī'ah through artificial intelligence: Mechanisms of facilitation, control, and quality assurance. *Mazahibuna: Jurnal Perbandingan Mazhab*, 54–70. <https://doi.org/10.24252/mazahibuna.vi.55038>.
- Malik, R., Malik, A., & Mustika, M. (2024). Artificial intelligence and islamic law: Ethical implications and fiqh fatwas in the digital age. *Journal of Family Law and Islamic Court*, 3(2). <https://doi.org/10.26618/jflic.v3i2.16546>.
- Morandin-Ahuerma, F. (2022). What is artificial intelligence?. *International Journal of Research Publication and Reviews*, 3(12): 1947-1951. Dicapai daripada <https://ijrpr.com/uploads/V3ISSUE12/IJRPR8827.pdf>.
- Nagendraswamy, C, Amogh Salis. (2021). A review article on artificial intelligence. *Ann Biomed Sci Eng*, 5, 013-014. Dicapai daripada https://www.researchgate.net/publication/351858135_A_review_article_on_artificial_intelligence.
- Nalbandian, L. (2022). Increasing the accountability of automated decision-making systems: An assessment of the automated decision-making system introduced in Canada's temporary resident visa immigration stream. *Journal of Responsible Technology*, 10, 100023. <https://doi.org/10.1016/j.jrt.2021.100023>.
- Nhizam, S., Zyarif, M., & Tuhfa, S. Z. (2021). Utilization of artificial intelligence technology in assisting house chores. *Journal La Multiapp*, 2(1), 29-34. <https://doi.org/10.37899/journallamultiapp.v2i1.341>.
- Prajapati, S. B. (2025). Data privacy and security in ai: strategies for protecting user data while maintaining the functionality and scalability of AI solutions. *World Journal of Advanced Research and Reviews*, 25(01), 2142-2146. Dicapai daripada https://journalwjarr.com/sites/default/files/fulltext_pdf/WJARR-2025-0268.pdf.
- Przegalinska, A. (2019). *State of the art and future of artificial intelligence*. Brussels: Policy Department for Economic, Scientific and Quality of Life Policies.
- Ramezani, M., Takian, A., Bakhtiari, A., Rabiee, H. R., Fazaeli, A. A., & Sazgarnejad, S. (2023). The application of artificial intelligence in health financing: a scoping review. *Cost Effectiveness and Resource Allocation*, 21(1), 83. <https://doi.org/10.1186/s12962-023-00492-2>.

- Rane, N., Shirke, S., Choudhary, S. P., & Rane, J. (2024). Education strategies for promoting academic integrity in the era of artificial intelligence and ChatGPT: ethical considerations, challenges, policies, and future directions. *Journal of ELT Studies*, 1(1), 36-59. <https://doi.org/10.48185/jes.v1i1.1314>.
- Riḍā, M. R. (1984). *Al-Waḥy al-Muḥammadī*. Beirut: Mu'assasah 'Izz al-Dīn.
- Rogozea, L. (2009). Towards ethical aspects on artificial intelligence. Dlm. *Conference Information: 8th WSEAS International Conference on Artificial Intelligence, Knowledge Engineering and Data Bases*, pp. 21-23.
- Rozani, M. A. S., Abdullah, M. F. R., Azizan, N. I. (2025). The integration of maqāṣid al-Qur'ān in modern tafsir methodologies: Challenges and opportunities. *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)*, 9(02), 98-108. <https://dx.doi.org/10.47772/IJRISS.2025.90200010>.
- Rozani, M. A. S., Abdullah, M. F. R., Azizan, N. I., & Hasan, Y. (2022). Tinjauan tematik terhadap skop kajian al-Tafsīr al-Maqāṣidī. *Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 7(1), 767-780. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v7i1.269>.
- Rozani, M. A. S., Usman, A. H., & Abdullah, M. F. R. (2024). Pengislahan masyarakat dalam kerangka māqāṣid al-Qur'ān: Sorotan terperinci terhadap pandangan ulama. *Isu-isu Kontemporari dalam Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah (SIRI 5) 2024*, 1-7.
- Serry, E. (2025). *Ethical implications of artificial intelligence: Challenges, risks, and regulatory perspectives*. Dicapai daripada https://www.researchgate.net/publication/388832947_Ethical_Implications_of_Artificial_Intelligence_Challenges_Risks_and_Regulatory_Perspectives.
- Sun, H. (2025). Bridging the accountability gap in AI decision-making: An integrated analysis of legal precedents and scholarly perspectives. *Frontiers in Humanities and Social Sciences*, 5(3), 51-55. <https://doi.org/10.54691/24vexn67>.
- Usman, A. H., Ahmad, Z. A. S., & Possumah, B. T. (2024). I'dilū Huwa Aqrab li al-Taqwā: Analisis wacana mufasirun pada surah al-Mā'idah [5] ayat 8 dalam melestarikan keharmonian masyarakat. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 9(2), 1292-1305. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v9i2.479>.

Disclaimer

The views expressed in this article are those of the author. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* shall not be liable for any loss, damage or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.

